

PENGUNAAN UNSUR JENAKA DALAM PENGAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN DI SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH

The use of humor in teaching Kadazandusun Language in Secondary dan Primary Schools

^{1*}MINAH SINTIAN

²JULITA NORJIETTA TAISIN

³NOEMI LINUS

⁴LINAH BAGU

⁵ADELINE LEONG SUK YEE

^{1&2}*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak*

³*IPG Kampus Keningau, Keningau, Sabah*

^{4&5}*IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah*

**Corresponding author: minahsintian@fbk.upsi.edu.my*

Dihantar/Received: XXXXXX | Penambahbaikan/Revised: XXXXXX

Diterima/Accepted: XXXXXX | Terbit/Published: 1 Jun 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v36i1.6498>

Abstrak Penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran bahasa merupakan strategi pengajaran yang menceriaikan suasana kelas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap medium jenaka, penggunaan konsep budaya tempatan sebagai unsur jenaka dan impak penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah-sekolah. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif ini dilaksanakan terhadap 23 orang pelajar program minor BKD di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bakal menjadi guru BKD di sekolah negeri Sabah. Data dikutip menggunakan soalan temu bual semi-struktur. Kajian mendapati medium jenaka dalam pengajaran BKD boleh dilakukan oleh guru itu sendiri dengan menggunakan bakat semulajadinya, bahan jenaka daripada elektronik dan cetak. Konsep budaya tempatan yang lucu dianggap sesuai digunakan dalam pengajaran BKD kerana bersifat autentik dan mesra pelajar. Pelajar berpandangan bahawa penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat memberi impak yang positif terhadap suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan dapat meningkatkan pemahaman murid. Kajian ini memberi implikasi terhadap perancangan, pemilihan dan pelaksanaan strategi pengajaran BKD di institusi pengajian tinggi, sekolah menengah

dan sekolah rendah agar bervariasi, menyeronokkan dan membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kandungan pelajaran.

Kata Kunci: Unsur jenaka, strategi pengajaran, bahasa Kadazandusun, budaya tempatan, pelajar universiti

Abstract *The use of humor in language teaching is a teaching strategy to create an enjoyable classroom environment. This study aims to identify students' perception of the medium of humor, the use of local cultural concepts as an element of humor, and the impact of the use of humor in teaching Kadazandusun Language (BKD). This study employed qualitative research on 23 students of the BKD minor program at Sultan Idris Education University. Data were collected using semi-structured interview questions. The findings show that the medium of humor in BKD teaching is present in the teachers themselves, apart from the humor materials in the form of electronic and print. The use of humorous local culture concepts in BKD teaching is also authentic and student-friendly. Students believe that using humor elements in BKD teaching creates a fun learning atmosphere and enhances the understanding of students. This study has implications for the planning, selection, and implementation of BKD teaching strategies in higher education institutions, secondary schools and primary schools to be varied, enjoyable and help improve students' understanding of the lesson content.*

Keywords: *Humor elements, teaching strategies, Kadazandusun language, local culture, university students*

Pengenalan

Kurikulum BKD dapat direalisasikan dengan baik dan berkesan melalui pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran guru. Guru memainkan peranan penting dalam merancang strategi pengajaran yang sesuai berdasarkan objektif pembelajaran agar murid sebagai sasaran pengajaran dapat memahami kandungan pelajaran. Shulman (1987), berpendapat bahawa guru seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya tiga jenis pengetahuan profesional untuk pengajaran, iaitu pengetahuan isi kandungan,

pengetahuan pedagogi dan pengetahuan tentang murid. Dalam konteks makalah ini, penjelasan akan difokuskan terhadap pengetahuan pedagogi guru dalam aspek pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran BKD. Julita Norjietta Taisin *et al.* (2019), meyakini bahawa pengetahuan dan kemahiran guru BKD dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai sangat signifikan dalam mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Peranan guru dalam memilih kaedah dan aktiviti pengajaran yang sesuai dan relevan dapat menjamin keberkesanan pembelajaran.

Pengajaran bahasa adalah suatu yang mencabar pengetahuan dan kemahiran guru kerana memerlukan kreativiti yang tinggi bagi memastikan penyampaian isi kandungan pelajaran dapat difahami dengan lebih mudah oleh murid dalam suasana yang menyeronokkan. Hal ini bertunjang daripada atribut semula jadi bahasa itu sendiri yang agak mencabar kerana seseorang perlu memahami sistem dan peraturan bahasa dalam lisan mahupun tulisan. Minah Sintian dan Athira Najwa Zakaria (2021), menyatakan bahawa kurang penguasaan dalam sistem dan peraturan bahasa akan memberi kesan terhadap mesej yang ingin disampaikan. Selain atribut semula jadi bahasa itu sendiri, faktor lain seperti persekitaran sekolah yang kurang kondusif, aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang padat serta kaedah pengajaran guru yang pasif juga secara tidak langsung menyebabkan murid kurang seronok belajar. Dalam konteks BKD, pengajaran bahasa agak mencabar guru kerana terdapat murid yang lebih cenderung berkomunikasi dalam Bahasa Melayu (BM) berbanding BKD (Rosliah Kiting *et al.*, 2019). Kajian yang dilakukan oleh Jocelyn dan Tony (2018), memberi petunjuk akan kelemahan murid berkomunikasi menggunakan BKD. Kajian tersebut mendedahkan bahawa daripada 123 murid, 17 murid sahaja yang didapati sangat kerap menggunakan BKD sebagai komunikasi seharian. Isu sedemikian perlu ditangani dengan menggunakan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang menyeronokkan agar murid mampu berkomunikasi BKD dengan baik.

Pengajaran bahasa melibatkan pelbagai kemahiran seperti mendengar dan bertutur, membaca, menulis, seni bahasa dan tatabahasa. Guru perlu menggunakan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik yang menarik untuk menyampaikan kemahiran-kemahiran tersebut agar emosi

murid yang tertekan dapat ditenangkan. Antara strategi pengajaran bahasa yang merangsang minat murid belajar bahasa ialah penggunaan unsur jenaka. Kaur (2021), mengakui bahawa penggunaan jenaka di dalam bilik darjah merupakan strategi berkesan untuk membantu mengurangkan tekanan emosi murid. Penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran bahasa penting bagi mewujudkan suasana positif sekaligus merupakan langkah menarik perhatian pelajar untuk lebih meminati sesuatu mata pelajaran. Abdul Rasid dan Hasmah Ismail (2013), mendapati bahawa penerapan unsur jenaka dalam pengajaran bahasa Melayu dapat menjadikan hasil pembelajaran lebih bermakna kepada murid. Martin, Bell, dan Abraham *et al.* (yang dipetik dalam Dzakia Tunnisa *et al.*, 2019), mendedahkan bahawa jenaka merupakan strategi pengajaran kreatif yang menuntut kemahiran dan seni seorang guru dalam menarik minat murid untuk belajar, mewujudkan hubungan positif antara guru dan murid serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di dalam bilik darjah. Oleh itu, objektif kajian tinjauan awal ini adalah untuk:

1. Mengetahui persepsi pelajar program minor BKD terhadap medium jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun.
2. Menjelaskan persepsi pelajar program minor BKD terhadap penggunaan konsep budaya tempatan sebagai unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun.
3. Merumuskan persepsi pelajar program minor BKD terhadap impak penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun.

TINJAUAN LITERATUR

Unsur jenaka yang diungkapkan atau diekspresikan oleh seseorang atau sekumpulan pelaku hanya memberi kesan yang bermakna apabila diujarkan mengikut topik, tujuan, waktu, dan tempat yang tepat. Fishman (1991), seorang ahli sosiologi menyarankan kepada pelaku bahasa untuk memberikan beberapa pertimbangan pengujaran bahasa untuk menimbulkan kesan seperti yang dikehendaki seperti variasi pertuturan, tempat, waktu, topik, tujuan dan kesan sosial. Misalnya, penggunaan jenaka spontan melalui ujaran dan aksi guru yang selari dengan waktu pengajaran tatabahasa yang agak sulit. Elemen-elemen tersebut adalah penting sebagai panduan oleh guru apabila menggunakan unsur-unsur jenaka dalam pengajaran.

Ahli filsuf terawal seperti Socrates dan Plato kerap menggunakan jenaka sewaktu mengajar malahan menyarankan kita untuk mencipta hiburan dan keseronokan di tempat kerja (Roeckelein & Martin yang dipetik dalam Kaur, 2021).

Unsur jenaka telah wujud sejak penciptaan dunia lagi dalam peradaban beberapa bangsa besar di dunia. Misalnya dalam peradaban Mesir, mereka percaya bahawa Tuhan Mesir menciptakan dunia melalui gelak ketawa (Whisonant yang dipetik dalam Kaur, 2021). Masyarakat Kadazandusun juga memiliki mitos penciptaan dunia yang agak lucu. Dikatakan bahawa Kinorohingan dan suaminya Yumun menciptakan dunia dengan menggunakan perisai dan penampian serta menciptakan manusia daripada sepasang kayu yang disuruh untuk berjalan tetapi tidak dapat berjalan sehinggalah menggantikannya dengan sarang anai-anai (Evans, 2007:372-373). Berdasarkan mitos tersebut, unsur jenaka sudah sedia ada dalam setiap individu. Dalam hal ini, guru sendiri perlu mengolah pengalaman dan pengetahuan sedia ada yang mereka miliki ke dalam bentuk jenaka yang sesuai sebagai bahan pengajaran.

Sumber alam sekitar dapat dijadikan sebagai bahan jenaka dalam pengajaran bahasa Kadazandusun. Cerita rakyat Kadazandusun terhasil berdasarkan pemerhatian dan pengalaman masyarakat tradisional yang peka terhadap alam sekitar. Cerita ‘Yanakanak dan Rogon Gayo’, ‘Ulat Pisang dan Kera’, ‘Katak dan Tikus’, ‘Maki yang Pemalas’, ‘Rumpad Nipon’, ‘Yanakanak dan Lintagu’ dan sebagainya (Minah Sintian & Rosliah Kiting, 2016), merupakan antara contoh cerita rakyat yang bersumberkan alam sekitar. Cerita-cerita rakyat tersebut boleh diolah menggunakan kreativiti guru BKD sebagai bahan pengajaran yang berunsurkan jenaka. Ungkapan-ungkapan menarik dalam cerita tersebut bukan sahaja dapat menimbulkan keseronokan murid malahan dapat mengayakan kosa kata mereka. Stankić (2011), dalam penelitiannya menyatakan bahawa penggunaan unsur jenaka yang terancang dalam pengajaran dapat membantu murid mempelajari perbendaharaan kata yang baharu, membangunkan kesedaran murid tentang kelainan pada makna perkataan, meluaskan pengetahuan tentang pembentukan kata dan simpulan bahasa. Justeru, guru perlu memanfaatkan cerita-cerita rakyat sebagai bahan pengajaran dalam bahasa Kadazandusun.

Penelitian Akhmad Mukhlis (2016), terhadap beberapa artikel dan buku berkaitan penggunaan jenaka dalam pengajaran telah menghasilkan beberapa perbincangan bermanfaat kepada pembaca khususnya dalam kalangan guru. Pertama, Akhmad Mukhlis menyarankan guru menggunakan jenaka yang serasi dengan personaliti mereka. Sekiranya guru memiliki orientasi jenaka yang rendah atau dibesarkan dalam persekitaran budaya yang tidak ada atau kurang unsur humor, maka guru tersebut akan mengalami kesukaran menggunakan jenaka di dalam kelas atau jenakanya mungkin akan menghadapi kesulitan untuk diterima oleh murid. Kedua, penggunaan jenaka yang betul mengikut keadaan murid dan suasana kelas dapat membangunkan perasaan mesra dan keakraban interaksi dengan murid. Penggunaan jenaka mengikut konteks juga dapat meningkatkan pemahaman dan keberkesanan kelas. Guru perlu mengelakkan penggunaan jenaka yang berunsur negatif, menyerang, merendahkan dan memusuhi kerana akan mewujudkan suasana kelas yang ketakutan, kecemasan dan permusuhan. Ketiga, guru perlu memastikan bahawa jenaka yang digunakan itu adalah sesuai dengan usia murid. Anak-anak ditingkat usia sekolah rendah dan menengah rendah masih terbatas pemahaman berkaitan ungkapan atau perlakuan yang berbentuk kiasan, metafora, ironi dan yang diputarbelitkan. Penggunaan ungkapan atau perlakuan jenaka seperti bentuk tersebut akan menyebabkan murid mempelajari maklumat yang salah. Keempat, jenaka untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran agak berbeza dengan jenaka untuk tujuan hiburan atau komedian. Jenaka untuk tujuan pengajaran harus menggambarkan konsep yang setelah gelak tawa akan beransur senyap kemudian guru akan menyambung kembali pengajaran berkaitan kandungan pelajaran yang telah dirancang. Dalam erti kata lain, kandungan pelajaran tidak boleh ditenggelami oleh jenaka. Akhmad Mukhlis menyimpulkan bahawa sekiranya keempat-empat langkah tersebut diikuti oleh guru, minat dan skor pencapaian akademik murid akan meningkat.

Kajian Dzakia Tunnisa *et al.* (2019), mendapati bahawa terdapat beberapa jenis jenaka yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kursus Bahasa Inggeris di Indonesia. Jenis-jenis jenaka tersebut ialah jenaka berkaitan, jenaka tidak berkaitan, jenaka yang meremehkan diri sendiri, jenaka yang tidak dirancang, jenaka yang tidak berbalas dan jenaka mengingatkan. Jenaka berkaitan merupakan gabungan cerita peribadi

dengan bahan sementara jenaka tidak berkaitan pula adalah tidak meliputi maklumat yang diajar. Jenaka itu terhasil untuk tujuan tertentu di dalam bilik darjah seperti ungkapan lucu bagi mengelakkan pelajar mengantuk. Jenis jenaka yang meremehkan diri sendiri digunakan oleh guru apabila dia menggunakan cerita, jenaka atau komen tentang dirinya sendiri. Jenaka yang tidak dirancang pula merupakan jenaka yang dilakukan oleh guru bukan untuk niat berjenaka tetapi pelajar mendapati ujaran guru tersebut menjadi jenaka. Jenaka yang tidak berbalas terjadi apabila cerita guru yang mengandungi unsur jenaka dan bertujuan untuk membuat lelucon namun pelajar tidak memberi tindak balas atau dalam erti kata lain, pelajar tidak tertawa. Jenis jenaka mengingatkan pula digunakan oleh guru untuk tujuan menyedarkan pelajar tentang tingkah laku mereka yang tidak sesuai di dalam bilik darjah. Sekiranya jenaka ini dapat dikeluarkan maka akan terdapat perubahan tingkah laku atau sikap pelajar seperti yang dikehendaki. Dzakia Tunnisa *et al.* (2019), mengakui bahawa jenaka yang dilakukan oleh guru dapat mengurangkan ketegangan, membuat pelajar lebih selesa dalam pembelajaran, mewujudkan interaksi yang baik, proses pengajaran dan pembelajaran lebih bersemangat, menggalakkan kehadiran pelajar dan mengurangkan bilangan pelajar yang mengantuk di dalam kelas. Arif Hakimi Zulazli *et al.* (2024), turut mengakui penggunaan humor dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagai strategi yang dapat menggerakkan minat dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Dalam erti kata lain, humor yang digunakan mengikut konteks pengajaran yang sesuai dan relevan memberikan impak yang positif terhadap suasana pembelajaran dan pemahaman pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kajian lapangan dan kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat. Kajian lapangan dilakukan di kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris memandangkan data berkaitan persepsi penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat diperoleh secara tepat dan mendalam selari dengan objektif kajian. Samarin (1993), turut meyakini bahawa sumber autentik dan realistik dapat diperoleh melalui kajian lapangan. Selain itu, kajian kepustakaan juga digunakan untuk tujuan memahami tajuk kajian,

permasalahan, objektif, tinjauan literatur dan perbincangan dengan lebih baik (Chua, 2006). Seramai 23 orang sampel kajian yang terdiri daripada pelajar program minor Bahasa Kadazandusun yang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih menggunakan jenis persampelan bertujuan. Justifikasi pemilihan sampel ini adalah kerana subjek terdiri daripada pelajar program minor Bahasa Kadazandusun yang berasal dari negeri Sabah, pernah mendengar, melihat dan mengalami penggunaan unsur jenaka semasa zaman persekolahan sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris ataupun bahasa Kadazandusun serta memahami dan mengamalkan budaya etnik Kadazandusun. Selain daripada itu, kesemua sampel merupakan bakal guru yang akan mengajar subjek major atau minor di sekolah kelak. Kriteria yang terdapat pada semua sampel adalah memenuhi tujuan dan kehendak kajian. Usia sampel adalah antara 22 hingga 24 tahun yang terdiri daripada pelajar semester 3, 4, 5 dan 7 yang mengambil kursus BDP3013 Bahasa Kadazandusun dalam Kurikulum Sekolah Menengah dan BDL3043 Sintaksis Bahasa Kadazandusun. Pelajar telah diminta persetujuan sebagai sampel kajian semasa kelas dijalankan. Pelajar juga telah dimaklumi tentang tujuan kajian dilakukan.

Pelajar tersebut telah dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut kursus untuk sesi temu bual. Temu bual dalam bentuk kumpulan bertujuan untuk membantu subjek saling mengingatkan dan membetulkan maklumat berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Kumpulan BDL3043 terdiri daripada sembilan orang sementara kumpulan BDP3013 mengandungi seramai 14 orang. Soalan temu bual berbentuk semi-struktur telah dibina oleh pengkaji dengan berpandukan beberapa item soal selidik yang digubal oleh Cyrene Riman Junis dan Minah Sintian (2019). Soalan temu bual berbentuk semi-struktur dilihat sesuai dengan objektif kajian agar subjek dan pengkaji berasa lebih fleksibel untuk menjawab dan mengemukakan soalan. Pengkaji lebih bebas menjelajah jawapan sampel dengan lebih mendalam melalui pertanyaan galakan minimum. Terdapat dua tempat digunakan untuk menjalankan temu bual berkumpulan, iaitu dalam bilik kuliah dan di rumah pengkaji. Temu bual telah dicatat oleh salah seorang subjek yang dipilih oleh pengkaji sebagai pencatat selain daripada dirakam menggunakan telefon bimbit dengan keizinan subjek kajian untuk tujuan mengelakkan daripada keciciran maklumat penting. Data yang

diperoleh telah dianalisis, dimasukkan dalam bentuk jadual, diberikan tema, diinterpretasi dan dibincangkan sesuai dengan objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persepsi pelajar program minor BKD terhadap medium jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun

Jadual 1

Ciri-Ciri Guru BKD yang Jenaka

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
Kump. BDL3043	Soalan pengkaji: Nyatakan ciri-ciri guru BKD yang jenaka pada pandangan anda. Kenapa anda menyatakan sedemikan?	
	Jawapan subjek: S001: Lucu perkara yang subjektif. Penyampaian guru menggunakan bahasa yang lucu, tidak terlalu formal . Guna bahasa seharian saja. Murid fokus muka guru. Kalau intonasi tidak sesuai dengan mimik muka, tidak lucu tu.	bahasa lucu, bahasa kurang formal, bahasa seharian
	S002: Banyak bertanya murid. Guru boleh berinteraksi dengan murid untuk kumpul maklumat.	
	S003: Dapat kaitkan dengan pengalaman lalu tetapi jangan balik-balik cakap benda yang sama. Murid bosan.	mengaitkan dengan pengalaman lalu
	S004: Guru guna bahasa yang tidak formal .	bahasa tidak formal
	S005: Guru itu bersahaja . Tidak terlalu lama mengajar. Guna teknik penceritaan dengan mimik muka yang lucu. Kaitkan dengan cara hidup orang Kadazandusun . Guru juga kelihatan lucu sekiranya guna unsur nakal secara bersahaja . Contoh melatah.	bersahaja, mimik muka lucu, ada kaitan dengan cara hidup orang Kadazandusun

Kump. BDP3013	S006: Saya suka guru yang boleh berlakon atau berlawak sambil memasukkan isi pelajaran. Tubuh merupakan objek yang dilihat oleh murid. Sekiranya guru menggerakkan tubuhnya mengikut cerita , suasana lebih hidup. Murid ini ada yang perlu unsur jenaka untuk faham pelajaran dan ada juga murid yang perlu serius.	boleh berlakon, boleh berlawak, menggerakkan tubuhnya mengikut cerita
	S005: Guru boleh bercerita yang lucu supaya murid mahu terus duduk mendengar. Contoh mengambil cerita " <i>Anak Anak om Dongkor</i> ". Ada <i>woyo toluud</i> (nilai murni) dan pengajaran. Guru perlu guna intonasi yang menarik sewaktu menyampaikan cerita	bercerita lucu, intonasi yang menarik
	S008: Jenaka yang dibuat perlu diselarikan dengan mimik muka .	
	S010: Mempunyai perwatakan komedi contohnya dari segi lontaran suara. Gerak tubuh dan penggunaan perkataan yang lucu . Lontaran suara yang unik dan gerak tubuh dapat menarik perhatian murid.	perwatakan komedi, lontaran suara lucu, gerak tubuh lucu, perkataan lucu
	S011: Perkataan yang lucu dan spontan, tidak dibuat-buat membuatkan murid selesa dengan guru.	perkataan lucu, spontan
	S018: Melalui ekspresi atau mimik muka yang spontan dan natural . Sebab ekspresi muka membawa suasana yang santai dan tidak memberi tekanan kepada murid semasa belajar.	ekspresi/mimik muka spontan/natural/tidak dibuat-buat

S019: Penggunaan intonasi suara yang menarik dan tidak mendatar supaya murid lebih yakin memberikan respon.	intonasi suara menarik, intonasi suara tidak mendatar
S013: Saya rasa lucu kalau guru menggerak-gerakkan tubuhnya dengan lucu.	menggerakkan tubuh dengan lucu
S014: Saya suka guru yang menggunakan intonasi lucu.	intonasi lucu
S012: Mimik muka yang lucu semasa menyampaikan pelajaran.	mimik muka lucu

Jadual 2

Jenis-Jenis Bahan Jenaka yang Boleh Dijadikan Sebagai Sumber Pengajaran yang Menarik dan Berkesan

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
Kump. BDL3043	Soalan pengkaji: Nyatakan jenis-jenis bahan jenaka yang boleh dijadikan sebagai sumber pengajaran yang anda rasa menarik dan berkesan.	
	Jawapan subjek S001: Teka-teki sebagai bahan selingan dalam kelas supaya pelajar menjadi aktif.	teka-teki
	S003: Guna tangon-tangon (cerita) sama ada lisan, audio rakaman atau animasi. Animasi lebih menarik kerana ada audio visual.	cerita, audio rakaman, animasi
	S004: Guna skesta lakonan. Boleh suruh murid. Mereka akan berasa lucu bila lakukan sendiri. Selain itu boleh guna video atau lagu yang ada penceritaan lucu dan ada pengajaran.	skesta lakonan, video, lagu

	S005: Guna pengalaman yang mengandungi tukadan (peribahasa) pada bahagian set induksi. Kaitkan dengan apa yang akan diajar pada hari itu.	pengalaman, komik
	S007: Guna komik macam komik ‘Langkawit’ punya cerita. Boleh juga guna pengalaman sendiri yang diolah kepada bentuk bahan.	komik, pengalaman
Kump. BDP3013	S012: Guna gambar yang menarik dan animasi .	gambar, animasi
	S017: Guna komik jenaka . Contoh komik ‘Langkawit’. Murid boleh melakonkan komik tersebut supaya menimbulkan suasana yang gembira.	komik
	S020: Kaitkan dengan pengalaman sebenar guru yang disesuaikan dengan pelajaran. Murid lebih tertarik untuk mendengar cerita yang berkaitan dengan realiti kehidupan sebenar.	pengalaman

Jadual 3

Media Jenaka yang Masih Relevan dan Sesuai Digunakan Pada Abad ke-21

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
K u m p . BDL3043	Soalan pengkaji: Sekiranya anda guru BKD, nyatakan media jenaka yang masih relevan dan sesuai digunakan pada abad ke-21 ini. Jawapan subjek S002: Video animasi . Budak-budak sekarang lebih kepada media elektronik.	video animasi
	S008: <i>Tangon-tangon</i> yang ditukar dalam bentuk video animasi .	video animasi

	S003: Imaginasi murid lebih jelas dengan visual dan audio. Guna puppet kaedah drama yang mempunyai unsur budaya tempatan pun masih relevan dan sesuai.	<i>puppet</i>
	S001: Bukan semua sekolah ada LCD. Kemudahan ICT juga kurang. Jadi boleh guna bahan maujud seperti buku komik .	buku komik
K u m p . BDP3013	S021: Guna animasi .	animasi
	S023: Guna rakaman video berbentuk parodi.	rakaman video
	S022: Guna voice over dan filter .	<i>voice-over, filter</i>
	S021: Boleh guna e-book yang mengandungi animasi bergerak.	<i>e-book</i>
	S020: Boleh guna aplikasi Augmented Reality .	<i>Augmented Reality</i>
	S013: Boleh guna TikTok video pendek.	TikTok
	S010: Buku cerita dan komik .	Buku cerita, komik
	S011: Animasi dan permainan dalam talian .	Animasi, permainan dalam talian
	S012: Filem seperti “Bili Bili Do” pun masih relevan. Ada juga lagu dulu-dulu yang lucu seperti “Nombo no Kalabau Ku”.	filem, lagu dulu-dulu

Objektif 1 adalah berkaitan dengan medium jenaka dalam pengajaran BKD. Medium jenaka merangkumi bahan dan guru. Pelajar kursus BDL3043 dan BDP3013 berpandangan bahawa ciri-ciri guru BKD yang jenaka adalah apabila guru itu menggunakan bahasa yang lucu, kurang formal, bahasa seharian, bersahaja dan ada unsur nakal. Pelajar juga beranggapan bahawa guru yang jenaka itu adalah yang dapat mengaitkan

pelajaran dengan pengalaman dan berkaitan cara hidup masyarakat Kadazandusun. Walau bagaimanapun, pelajar tidak lagi menganggap perkara itu lucu sekiranya diujar dengan kerap. Kekerapan mengujarkan perkara yang sama akan menyebabkan murid berasa bosan. Guru yang berperwatakan komedi, mampu berlakon, berlawak, dan bercerita lucu dengan menggunakan mimik muka yang lucu, intonasi yang menarik, lontaran suara lucu dan menggerakkan tubuh badan mengikut cerita yang diujarkan dianggap oleh pelajar sebagai lucu. Daripada kesemua ciri tersebut, ciri-ciri guru BKD jenaka yang kerap disebut adalah menggunakan muka dan bahasa yang lucu disebut sebanyak empat kali sementara gerakan badan yang lucu sebanyak tiga kali.

Jenis-jenis bahan jenaka yang boleh dijadikan sebagai sumber pengajaran menarik dan berkesan pada persepsi kedua-dua kumpulan pelajar ialah teka-teki, *tangon-tangon* (cerita), animasi, skesta lakonan, pengalaman peribadi, lagu, komik dan gambar. Bahan-bahan tersebut boleh disampaikan melalui lisan ataupun rakaman video dan audio. Namun begitu, jenis bahan jenaka yang kerap disebut oleh pelajar ialah pengalaman guru itu sendiri dan komik sebanyak tiga kali, dan masing-masing sebanyak dua kali jenis audio rakaman dan animasi. Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), menyarankan guru yang tidak pandai berjenaka untuk menggunakan bahan bantu mengajar seperti komik kerana dapat membantu guru menjadikan pengajarannya berjalan dalam suasana yang menyeronokkan murid. Pelajar berpandangan bahawa media jenaka yang masih relevan dan sesuai pada abad ke-21 ini ialah video animasi, *puppet*, buku komik, rakaman video, *voice over*, *filter*, *e-book*, aplikasi *Augmented Reality*, buku cerita, permainan dalam talian, filem dan lagu. Filem berunsur jenaka seperti '*Bili Bili Do*' dan lagu '*Nombo no Kalabau Ku*' meskipun sudah lama namun masih relevan dan sesuai digunakan pada abad ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar berpandangan bahawa media animasi lebih relevan digunakan pada abad ini. Hal ini bersesuaian dengan kajian Anggraeni et al. (2019), yang mengakui unsur jenaka dalam animasi dapat menyeronokkan pelajar di samping dapat membantu meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris dan penumpuan di dalam kelas.

Persepsi pelajar program minor BKD terhadap penggunaan konsep budaya tempatan sebagai unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun

Jadual 4

Unsur Jenaka Berkonsepkan Budaya Tempatan yang Digunakan dalam Pengajaran Bahasa

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
Kump. BDL3043	Soalan pengkaji: Nyatakan unsur jenaka yang berkonsepkan budaya tempatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa yang pernah anda alami, baca, lihat atau ketahui.	
	Jawapan subjek S005: Tangon-tangon seperti “Ligit Liou”, “ <i>Anak Anak om Dongkor</i> ” dan sebagainya. Guna cerita yang mempunyai nilai murni dan ada pengajaran.	tangon-tangon
	S006: Orang kita ni suka melawak. Buatlah lawak sambil memasukkan isi pelajaran.	lawak
Kump. BDP3013	S015: Bercakap menggunakan dialek Dusun macam “saana Ranau”.	bercakap guna dialek Dusun
	S016: Cerita rakyat Kadazandusun banyak yang lucu.	cerita rakyat Kadazandusun
	S012: Boleh guna cerita rekaan yang berkonsepkan budaya tempatan seperti cerita “Si Rita membuat <i>bosou</i> (jeruk)”.	cerita rekaan
	S013: Bergurau dengan murid menggunakan stail orang Dusun . <i>Modkoringau di amu koruol ginawo</i> (Bergurau dengan tidak menyakitkan hati).	bergurau stail orang Dusun
	S021: Jenaka secara spontan berkaitan cara hidup orang Kadazandusun.	jenaka secara spontan
	S022: Guna teks lakonan yang lucu berkaitan budaya Kadazandusun.	teks lakonan
	S023: Sewaktu mengajar boleh kaitkan dengan isu budaya tempatan yang lucu seperti mengunjungi jiran yang sedang makan, menanam padi dan sebagainya.	isu budaya tempatan yang lucu

Jadual 5

Pendapat Pelajar Tentang Pernyataan “Konsep Budaya Tempatan Khususnya Etnik Kadazandusun Penting Dikuasai oleh Guru dalam Pengajaran untuk Memberi Kesan Positif dalam Pembelajaran Murid”

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
Kump. BDL3043	Soalan pengkaji: Jelaskan pendapat anda berhubung pernyataan “konsep budaya tempatan khususnya etnik Kadazandusun penting dikuasai oleh guru dalam pengajaran untuk memberi kesan positif dalam pembelajaran murid”.	
	Jawapan subjek S004: Saya sangat bersetuju guna budaya tempatan dalam pengajaran. Contoh tahu intonasi asli orang Kadazandusun apabila menyampaikan <i>tangon-tangon</i> . Guru juga sekurang-kurangnya tahu tarian dan puisi tradisional seperti “sudawil”. Kalau tidak tahu menggunakan semasa pengajaran, boleh guna rakaman video. Guru juga boleh buat pembacaan buku tentang kebudayaan Kadazandusun.	sangat bersetuju (intonasi asli orang Kadazandusun)
	S005: Sangat bersetuju . Banyak cerita berunsur budaya tempatan dalam <i>tangon-tangon</i> .	sangat setuju (tangon-tangon)
Kump. BDP3013	S007: Setuju . Selain tahu budaya sendiri, guru juga perlu tahu kebudayaan etnik lain . Berguna sekiranya <i>posting</i> di tempat lain.	setuju (perlu tahu kebudayaan etnik lain)
	S023: Saya sangat setuju guru perlu menguasai konsep budaya tempatan dalam pengajaran. Kalau kita mengajar BKD, kita akan lebih dekat dan mesra dengan murid .	sangat setuju (lebih dekat dan mesra dengan murid)
	S011: Saya setuju dengan penggunaan konsep budaya tempatan kerana lebih autentik . Murid akan lebih menghayati pelajaran.	setuju (lebih autentik)
	S014: Budaya tempatan yang digunakan dalam pengajaran mungkin membuat murid ketawa tetapi murid faham maksud yang disampaikan oleh guru. Budaya tempatan lebih nyata . Jadi saya sangat setuju lah.	sangat setuju (murid ketawa tetapi murid faham maksud, lebih nyata)

Hasil dapatan objektif 2 berkaitan penggunaan konsep budaya tempatan sebagai unsur jenaka dalam pengajaran BKD, pelajar beranggapan bahawa budaya tempatan itu merangkumi kebiasaan penggunaan ujaran dialek suku masing-masing. Pelajar berasakan bahawa terdapat dialek yang kedengaran agak lucu apabila digunakan untuk mengungkapkan sesuatu perkara. Cerita rakyat Kadazandusun dianggap dapat mengungkapkan hal-hal budaya masyarakat tempatan yang mengandungi jenaka. Pelajar juga berpandangan bahawa gurauan menggunakan stail orang Kadazandusun, melakonkan *tangon-tangon*, membuat jenaka spontan, mengetengahkan isu budaya tempatan yang lucu dan membuat cerita rekaan berkonsepkan budaya tempatan merupakan unsur jenaka yang berkonsepkan budaya tempatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa.

Kebanyakan pelajar sangat bersetuju dengan pernyataan “konsep budaya tempatan khususnya etnik Kadazandusun penting dikuasai oleh guru dalam pengajaran untuk memberi kesan positif dalam pembelajaran murid”. Pelajar beranggapan bahawa etnik Kadazandusun mempunyai keunikan intonasi apabila menyampaikan *tangon-tangon*. Tarian dan puisi tradisonal juga perlu dikuasai oleh guru. Walau bagaimanapun kebudayaan etnik lain juga perlu diketahui untuk kegunaan apabila ditempatkan untuk mengajar di tempat lain. Penguasaan konsep budaya tempatan yang autentik dan nyata dianggap dapat menjadikan guru itu lebih dekat dan mesra dengan murid. Situasi ini akan menyebabkan murid lebih menghayati pelajaran. Penggunaan budaya tempatan dalam pengajaran memungkinkan murid tertawa namun memahami maksud yang disampaikan oleh guru.

Konsep budaya tempatan yang diolah dengan kreatif dan lucu banyak dipaparkan dalam kartun tempatan seperti ‘Langkawit’ yang ditulis oleh David Buku Suning atau lebih dikenali sebagai Langkawit. Wong dan Nordin (2019), membuat penelitian penggunaan unsur budaya tempatan dalam kartun Langkawit. Mereka mendapati Langkawit memaparkan latar masyarakat dan tempat, watak dan perwatakan, dan bahasa yang berkonsepkan budaya tempatan khususnya budaya masyarakat Kadazandusun. Penggunaan budaya tempatan dalam pengajaran akan membantu pemahaman murid terhadap pelajaran kerana mesra murid dan lebih autentik. Mohd. Sawari Rahim dan Suraya Hani Zakaria (2016),

meyakini penggunaan kartun berkonsepkan budaya tempatan seperti karya kartun K. Bali bukan sahaja dapat menimbulkan kelucuan tetapi lebih daripada itu dapat mendidik masyarakat terhadap kepentingan nilai-nilai murni seperti akhlak mulia, sikap positif, bertanggungjawab, amanah dan sebagainya. Nilai-nilai murni dalam kartun dapat dijadikan oleh guru sebagai sumber didikan terhadap akhlak murid secara langsung mahupun tidak langsung.

Persepsi pelajar Program Minor BKD terhadap impak penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun

Jadual 6

Keyakinan Terhadap Penggunaan Unsur Jenaka dalam Pengajaran BKD dapat Merangsang Suasana Pembelajaran yang Lebih Menyoronokkan

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
K u m p . BDL3043	Soalan pengkaji: Anda sebagai bakal guru BKD, sejauh manakah anda meyakini bahawa penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat merangsang suasana pembelajaran yang lebih menyoronokkan?	
	Jawapan subjek S002: Saya sangat meyakini penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD kerana jenaka sangat sinonim dengan orang Dusun . Kalau tiada jenaka, bukan Dusun namanya. Orang Dusun memang ada <i>sense of humor</i> . Cerita tidak lengkap kalau tiada jenaka.	sangat meyakini (jenaka sangat sinonim dengan orang Dusun)
	S004: Saya juga sangat meyakini. Percakapan masyarakat Dusun banyak unsur jenaka . Contoh kalau menegur guna frasa " <i>otoronong no kabang nu</i> " (betullah itu mulutmu). Orang lain yang faham akan rasa lucu.	sangat meyakini (percakapan ada unsur jenaka)
	S005: Saya juga sangat yakin seperti yang disebut oleh S004. Orang Dusun guna slang dan intonasi yang lucu untuk menyindir atau memperkata hal serius . Seronoklah masa belajar. Walau bagaimanapun unsur jenaka mesti ikut tempat dan keadaan.	sangat yakin (guna slang dan intonasi lucu untuk menyindir atau memperkata hal serius)

K u m p .
BDP3013

S009: **Sangat yakin.** Jenaka digunakan sebagai hiburan supaya **meredakan ketegangan.** Pembelajaran **tidak membosankan.** Suasana **kelas lebih ceria** dan **murid melibatkan diri secara aktif.**

sangat yakin (meredakan ketegangan, tidak membosankan, kelas lebih ceria, melibatkan diri secara aktif)

S006: **Saya sangat yakin.** Dari segi **mitos asal-usul orang Kadazandusun di Nunuk Ragang** pun sudah ada unsur jenaka. **Cerita-ceritapun banyak yang lucu.** Gunakan dalam pengajaran kerana banyak **mengandungi nilai-nilai murni dan pengajaran** yang masih relevan dengan kehidupan manusia masa kini.

sangat yakin (legenda asal usul orang Kadazandusun ada unsur jenaka, ada nilai-nilai murni dan pengajaran)

S017: **Saya sangat yakin.** Pengajaran menggunakan unsur jenaka **membuat murid lebih tertarik.** Mereka akan **rasa santai.** Pengajaran yang santai **mudah diterima oleh murid.**

sangat yakin (murid lebih tertarik, rasa santai, mudah diterima)

S013: **Saya juga sangat yakin.** Murid lebih **memberi perhatian dan seronok** kalau guru guna jenaka. Murid **faham maksud tersirat disebalik jenaka** itu.

sangat yakin (memberi perhatian dan seronok, faham maksud tersirat)

S012: **Saya yakin** sahajalah. **Murid memang seronok** tetapi **tidak semua murid dapat memberi tumpuan.**

yakin (seronok, tidak semua beri tumpuan)

S010: **Saya setuju** dengan S012. Walaupun saya **yakin** tetapi apabila murid terlalu seronok dengan unsur jenaka yang digunakan oleh guru, mereka **tidak menghormati guru** dan **tidak takut melakukan kesilapan.**

yakin (terlalu seronok buat murid tidak hormat guru, tidak takut buat kesilapan)

Jadual 7

Keyakinan Terhadap Penggunaan Unsur Jenaka dalam Pengajaran BKD dapat Membantu Meningkatkan Pemahaman Murid dalam Pelajaran

Subjek Kajian	Soalan Temu Bual dan Jawapan	Tema
Kump. BDL3043	Soalan pengkaji: Anda sebagai bakal guru BKD, sejauh manakah anda meyakini bahawa penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat membantu meningkatkan pemahaman murid dalam pelajaran?	
	Jawapan subjek S007: Saya yakin . Unsur jenaka dapat menceriakan suasana kelas . Hal ini boleh mengurangkan kerisauan murid. Mereka lebih faham isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.	yakin (menceriakan kelas, mengurangkan kerisauan, lebih faham isi pelajaran)
	S002: Saya yakin . Kalau suasana tegang, pelajaran susah difahami. Kalau suasana ceria ada unsur jenaka, membantu murid menyerap isi pelajaran . Pemahaman kita bergantung kepada emosi. Kalau emosi tegang, isi pelajaran sukar diserap.	yakin (suasana ceria, murid dapat serap pelajaran)
	S009: Saya yakin penggunaan jenaka dapat mengurangkan ketegangan. Kelas lebih ceria. Interaksi dua hala antara guru dan murid juga dapat diwujudkan . Murid tidak segan melontarkan pendapat .	yakin (kelas ceria, interaksi dua hala dapat diwujudkan, tidak segan melontarkan pendapat)
Kump. BDP3013	S003: Kalau guru terlampau serius, murid tidak berani tanya. Persoalan tidak dapat dikemukakan. Saya yakin unsur jenaka perlu dalam pengajaran supaya murid dapat bertanya .	yakin (murid dapat bertanya)
	S015: Saya sangat yakin kerana murid akan lebih tertarik mengikuti pelajaran . Kalau tertarik, mereka akan berusaha untuk memahaminya .	sangat yakin (lebih tertarik mengikut pelajaran, berusaha memahaminya)
	S014: Unsur jenaka dalam pengajaran dapat meningkatkan daya ingatan murid . Secara tidak langsung murid dapat menjawab soalan apabila ditanya . Jadi saya sangat yakin .	sangat yakin (meningkatkan daya ingatan, dapat menjawab soalan)

S020: Saya yakin penggunaan jenaka dapat membantu murid menonjolkan diri seperti memberikan pendapat. Ini berbeza kalau guru itu mengajar serius. Kalau serius mengajar, murid akan teragak-agak atau takut mengeluarkan pendapat.	yakin (membantu murid menonjolkan diri)
S019: Saya juga yakin. Kalau ada unsur jenaka dalam pengajaran, murid yang pasif akan turut melibatkan diri dalam pembelajaran. Mereka akan faham pelajaran. Mereka akan terpengaruh dengan murid lain yang seronok belajar.	yakin (murid pasif akan melibatkan diri, faham pelajaran)

Berdasarkan hasil dapatan objektif 3, kebanyakan pelajar sangat meyakini akan penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat merangsang suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Pelajar berpendapat, penggunaan unsur jenaka bukanlah suatu yang asing dalam masyarakat Kadazandusun berdasarkan mitos asal-usul mereka dari Nunuk Ragang kerana mitos itu sendiri mengandungi unsur jenaka. Situasi semasa masyarakat Dusun bercerita dan berbual juga sering memperlihatkan unsur jenaka. Kebolehan semula jadi guru BKD terutama dalam penggunaan slang dan intonasi lucu untuk tujuan menyindir atau membincangkan perkara serius dapat menyeronokkan murid. Pelajar meyakini bahawa penggunaan unsur jenaka dapat meredakan ketegangan, mewujudkan suasana santai, ceria dan seronok. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Qasrawi dan Alzboon (2020), terhadap beberapa orang guru yang beranggapan bahawa pelajar yang tertawa di dalam kelasnya selepas menggunakan jenaka dapat menyingkirkan segala perasaan negatif dan tekanan. Pelajar dapat menggantikannya dengan kemesraan dan kepedulian. Suasana yang memberangsangkan akan membuat murid tertarik mengikuti pelajaran, melibatkan diri secara aktif dan memahami kandungan pelajaran yang tersirat. Walau bagaimanapun segelintir subjek kajian meragui konsep keseronokan melalui penggunaan unsur jenaka. Mereka beranggapan semasa berseronok, terdapat sebahagian murid yang tidak memberi tumpuan terhadap isi kandungan pelajaran, tidak menghormati guru dan tidak takut melakukan kesilapan.

Kebanyakan subjek kajian meyakini penggunaan unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat membantu meningkatkan pemahaman murid dalam pelajaran. Peningkatan pemahaman isi kandungan pelajaran berkait rapat dengan suasana pembelajaran yang ceria. Apabila kerisauan dan ketegangan dapat diminimumkan, interaksi dua hala dapat diwujudkan dan murid tidak khuatir mengemukakan pendapat. Situasi ini akan menyebabkan murid lebih mudah menyerap dan memahami isi pelajaran. Kajian Bakar F. dan Kumar V. (2022), menjelaskan bahawa humor yang digunakan oleh guru mengikut konteks boleh membantu pelajar menumpuhkan perhatian, mengingat, memahami dan menyokong idea-idea mereka berkaitan dengan kandungan pembelajaran.

Penggunaan unsur jenaka semasa pengajaran juga akan mengurangkan keseriusan guru dalam menyampaikan pelajaran. Murid akan lebih berani mengemukakan soalan dan menjawab soalan. Selain itu murid yang agak pasif akan turut melibatkan diri dalam pembelajaran. Suasana sedemikian akan menarik minat murid mengikut pelajaran, meningkatkan daya ingatan dan pemahaman kandungan pelajaran. Şahin (2021), meyakini bahawa antara tujuan jenaka yang dibuat oleh 81.8% peserta kajiannya yang terdiri daripada guru-guru adalah untuk meningkatkan hubungan interpersonal dengan muridnya kerana guru sebagai sumber jenaka juga mempunyai perasaan yang sama seperti sasarannya. Walau bagaimanapun Şahin (2021), menjelaskan bahawa kesan jenaka itu adalah berbeza bergantung kepada emosi sasaran dan jenis jenaka yang digunakan oleh guru. Dalam erti kata lain, sekiranya jenaka yang dibuat oleh guru itu sesuai dengan emosi murid, maka murid akan memberi kerjasama dengan guru. Situasi ini dapat membantu meningkatkan pemahaman murid dalam pelajaran.

KESIMPULAN

Unsur jenaka dalam pengajaran BKD dapat diperoleh melalui karakter guru itu sendiri semasa menyampaikan pengajaran. Guru-guru juga boleh memanfaatkan bahan jenaka berbentuk cetak atau elektronik sebagai alat pedagogi yang menyeronok dan menceriakan suasana pembelajaran. Jenaka berkonsepkan budaya tempatan sesuai diaplikasikan dalam

pengajaran kerana berkisar dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid. Jenaka yang disampaikan mengikut tempat, waktu dan konteks dapat merangsang suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan membantu meningkatkan pemahaman murid terhadap pelajaran. Justeru, guru perlu mengoptimumkan kebolehan semula jadi (walau bagaimanapun guru bukan komedian dan membuat jenaka itu bukan berkonsep hiburan seperti dalam rancangan hiburan di televisyen), mempelajari teknik, menggunakan bahan-bahan jenaka dan mempelajari cara memasukkan jenis jenaka dalam perancangan pengajaran untuk keseronokan belajar dan kefahaman kandungan pelajaran dalam kalangan murid. Kajian tentang persepsi guru menggunakan jenaka sebagai strategi komunikasi di dalam kelas dan penggunaan elemen budaya peribumi sebagai jenaka dalam pengajaran dan pembelajaran amat disyorkan dalam kajian lanjutan. Kajian ini memberi implikasi terhadap kepekaan guru-guru bahasa dalam merancang, memilih, menilai dan melaksanakan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang menyeronokkan dan sekaligus meningkatkan pemahaman murid terhadap BKD sebagai khazanah etnik Kadazandusun yang sangat bernilai.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan petikan daripada projek penyelidikan bertajuk “Kesan Penggunaan Unsur Jenaka Terhadap Kreativiti dan Interaksi Pelajar Bahasa Kadazandusun di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia”. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan & Inovasi Penyelidikan (RMIC) di Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana menyokong penyelidikan melalui kod geran penyelidikan GPUBP-IPGM: 2023-0196-107-01

RUJUKAN

- Abdul Rashid Jamian, & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 3(2), 49-63.
- Akhmad Mukhlis. (2016). Humor dalam pengajaran tinjauan penelitian humor di kelas. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar*, 9(1), 28-41.
- Anggraeni, A.D., Pentury, H.J., & Tanamal, N.A. (2019). Blending humour and

- animation in English learning. *NOTA* students of English education programs in universities. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 5(6), 540-553.
- Arif Hakimi Zulazli, Mazlin Mohamed Mokhtar, Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Mohd Haniff Mohd Tahir, Puteri Zarina Megat Khalid, & Khazaila Zaini. (2024). An investigation on the types of humour in English language teaching among Malaysian lecturers in higher education. *The European Journal of Humour Research*, 12 (2), 163-175. <http://dx.doi.org/10.7592/EJHR.2024.12.2.889>
- Bakar, F., & Kumar, V. (2022). How students perceive the teacher's use of humour and how it enhances learning in the classroom. *European Journal of Humour Research* 10(4), 187-199. <http://dx.doi.org/10.7592/EJHR2022.10.4.656>
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Cyrene Riman Junis, & Minah Sintian. (2019). Unsur jenaka dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu pengenalan. Dalam Roslih Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau, & Ewon Benedick (eds.), *Kesusasteraan & kebudayaan Borneo* (hlm. 559-572). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dzakia Tunnisa, Murni Mahmud, & Kisman Salija. (2019). Investigating teacher's sense of humor in Indonesia. *International Journal of Language Education*, 3(2), 99-114.
- Evans, I.H.N. (2007). *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi bahasa: Satu pendekatan sains kemasyarakatan antara disiplin terhadap bahasa dalam masyarakat* (Alias Mohammad Yatim, Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jocelyn Yee Vun Lee, & Tony Paridi Bagang. (2018). The awareness of Kadazandusun students towards their native language: An observation. Dalam Linah Bagu, John Gitom, Victor Baga, Evelyn Annol, Amidy Malagob dan James Molijoh (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Budaya, Bahasa dan Sastera Kadazandusun* (hlm. 186-197). Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.
- Julita Norjietta Taisin, Minah Sintian, & Chemaline Anak Osup. (2019). The effectiveness of Kadazandusun language teaching and learning methods among primary school language teachers in the Ranau Sabah district. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 10(7), 43-51.
- Kaur, M. (2021). Using humor for effective teaching-learning process. *Kala Sarova*, 24(4), 412-415.
- Minah Sintian, & Athira Najwa Zakaria. (2021). Kesilapan tatabahasa ucapan guru dalam perhimpunan rasmi sekolah . Dalam Mohd Rashid Md Idris, Rosline Sandai, & Nur Faaizah Md Adam (eds.), *Realisasi isu bahasa, sastera dan budaya* (hlm. 63-78). Tanjong Malim: Penerbit Universiti

Pendidikan Sultan Idris.

- Minah Sintian, & Rosliah Kiting (eds.). 2016. *Tinimungan Tangon Kadazandusun Himpunan Cerita Kadazandusun*. Tanjong Malim & Kota Kinabalu: Universiti Pendidikan Sultan Idris & Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Sawari Rahim, & Suraya Hani Zakaria. (2016). Pendidikan nilai dan budaya masyarakat Melayu dalam kartun K.Bali. Dalam Simon Gihol, Ismail Ag. Piut, Paridah Mamat, Razali Mohd. Shukor, Madlaim Ejib, D. Vasuthevan Damotharan, Caroline Lerena David, & Rosalyn Gelunu (eds.). *Prosiding Seminar Penyelidikan Bahasa Budaya dan Sastra Melayu Serantau* (hlm. 123-130). Tuaran: IPG Kampus Kent & DBP Cawangan Sabah.
- Qasrawi, R., & Alzboon, M.S. (2020). Suggested educational principles for integrating humor inside classes of English at Birzeit University Based on the Relief Theory. *Dirasat, Human and Social Sciences*, 47(1), 74-88.
- Wong, O. G., & Nordin, F. N. B. (2019). Imej haiwan dalam kartun lerang Langkawit melalui pendekatan ikonografi. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas Seminar Pascasiswazah*, 49-71. <https://doi.org/10.51200/Ejk.Vi.1905>
- Rosliah Kiting, Wilfred Madius Tangau, Benedict Topin, & Minah Sintian. (2019). Cabaran dan pemantapan pengajaran bahasa Kadazandusun. Dalam Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau, & Ewon Benedick (eds.), *Kesusasteraan & kebudayaan Borneo* (hlm. 485-508). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Şahin, A. (2021). Humor Use in School Settings: The Perceptions of Teachers. *SAGE Open*, 11(2). <https://doi.org/10.1177/21582440211022691>
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57, 1-22.
- Stankić, D.P. (2011). Using humor in teaching English as a foreign language at more advanced levels. *Zbornik Instituta za Pedagogika Istrazivanja*, 43(2), 254-265.

Top of Form
Bottom of Form